

Dua memandu tanpa lesen didenda

MIRI: Dua individu termasuk seorang wanita masing-masing didenda RM350 dan RM450 atau empat hari penjara oleh Mahkamah Majistret setelah mengaku bersalah memandu tanpa lesen.

Mcdonald Emang Kehing, 37, dari Jalan Tudan Desaras di sini dan Liew Zhi Qin, 24, dari Pekan Batu Niah telah didakwa mengikut Seksyen 26 (1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 (Akta 333/87) dan dihukum di bawah Seksyen 26 (2) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak kurang dari RM300 dan tidak melebihi

RM2,000 atau penjara tiga bulan atau kedua-duanya sekali.

Menurut keterangan kes, Mcdonald sebagai pemandu sebuah kereta dengan nombor pendaftaran QBB93xx, didapati telah memandu kenderaan itu dengan tidak memiliki satu lesen memandu yang membenarkan dia memandu di atas jalan raya.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 11.11 pagi, 16 Julai lalu di Jalan Miri-Bypass di sini.

Bagi kesalahan itu, tertuduh telah didenda RM350 atau empat hari penjara.

Manakala dalam kes kedua, Liew yang memandu sebuah kereta dengan nombor pendaftaran QM16xxx didapati telah melakukan kesalahan yang sama.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 4.49 petang, 30 Jun tahun ini di Jalan Persisir Pantai, Miri.

Tertuduh kemudian didenda RM450 atau empat hari penjara.

Pendakwaan bagi kedua-dua kes dikendalikan pegawai pendakwa Inspektor Mudzi-lawati Abdul Rahman di hadapan Majistrett Nazira Adlin Ahmad Khairul Razi.